

12 MAR 2003

PBB-Malaysia/I

PELUCUTAN SENJATA DI IRAQ PERLU DIIKUTI USAHA TARIK BALIK SEKATAN

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Malaysia yang mewakili 116 negara anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), mahu usaha pelucutan senjata di Iraq sekarang diikuti dengan usaha menarik balik sekatan ke atas negara itu selaras Resolusi Majlis Keselamatan 687.

"Kami yakin bahawa resolusi damai bagi krisis Iraq akan memastikan Majlis Keselamatan berada pada kedudukan untuk memastikan kedaulatan, integriti, kebebasan politik dan keselamatan Iraq dan pematuhan kepada perenggan 14 Resolusi 687 mengenai pewujudan zon bebas senjata yang membawa kemusnahan besar-besaran di Timur Tengah, yang termasuk Israel," kata seorang pegawai Malaysia.

Kuasa Usaha Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Zainuddin Yahya ketika berucap pada Majlis Keselamatan mengenai "Situasi antara Iraq dan Kuwait" di PBB berkata NAM berpendapat bahawa masa depan dunia akan lebih baik jika dilakukan menerusi sistem multilateral yang kukuh, bergerak dalam PBB yang diwakili ramai serta demokratik.

"Daripada sistem unilateral berasaskan kepada penguasaan satu kuasa, walau kuat mana sekali pun," katanya.

Ucapan beliau difaksimilikan kepada Bernama di sini hari ini.

"Kita perlu memperkukuh dan mempromosikan proses multilateral dalam mengekal dan menggalakkan keamanan dunia menerusi dilaog dan tindakan berdiplomasi dan mengelak berperang untuk menyelesaikan krisis," katanya.

Zainuddin berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pengerusi NAM, telah menulis surat kepada semua ketua-ketua kerajaan dan negara Majlis Keselamatan pada 3 Mac, 2003, menyatakan kedudukan dan kebimbangan NAM ke atas Iraq.

"NAM bimbang dengan keadaan bahaya dan tidak menentu yang timbul daripada ancaman perang. Kami yakin bahawa serangan ke atas Iraq menyebabkan rantau itu dan dunia menjadi tidak stabil dan akan menimbulkan kesan terhadap politik, ekonomi dan kemanusiaan kepada semua," katanya.

Zainuddin berkata NAM menyambut baik dan menyokong semua usaha bagi mengelak Iraq diserang dan menggesa supaya usaha itu dilakukan secara berterusan berasaskan kepada diplomasi multilateral bagi menentang tindakan sepihak.

"Ia menjadi hari yang menyedihkan di dunia apabila kewibawaan dan integriti Majlis Keselamatan dan PBB dicabar. Lebih-lebih lagi jika diancam dalam apa cara pun," katanya.

Beliau juga berkata NAM menyambut baik keputusan Iraq yang memberi kerjasama rapat kepada pemeriksaan senjata PBB mengikut Resolusi 1441 Majlis Keselamatan yang akan memastikan pelucutan senjata Iraq dilakukan secara aman.

"Kami yakin ia merupakan langkah penting yang membuka ruang kepada penyelesaian secara menyeluruh dan aman bagi semua isu tertangguh antara Iraq dan PBB yang mengambil kira kebimbangan semua pihak yang terlibat, termasuk negara jiran Iraq," katanya.

Mengenai pemeriksaan senjata PBB di Iraq, beliau berkata tindakan Amerika Syarikat mengemukakan laporn palsu kepada PBB mengenai dakwaan program senjata nuklear Iraq, amat membimbangkan dan merupakan tindakan yang tidak bertanggungjawab.

Zainuddin berkata semua maklumat yang disediakan oleh semua negara anggota bagi membantu pemeriksaan senjata mesti tepat dan berkredibiliti bagi memastikan mereka dapat menjalankan tugas dengan jayanya mengikut resolusi

1441.

Beliau berkata Malaysia yakin masalah di Iraq boleh diselesaikan secara aman menerusi PBB dan pandangan ini disokong oleh majoriti anggota Majlis Keselamatan yang jelas menggambarkan padangan masyarakat global.

"Majlis keselamatan mesti terus sedar mengenai bahaya perang ke atas negara dan penduduk di rantau itu," katanya.

Zainuddin berkata Malaysia berharap Majlis Keselamatan akan memberi pertimbangan serius kepada padangan NAM demi kemanusiaan dan merayu Majlis Keselamatan supaya tidak mengambil tindakan ketenteraan ke atas Iraq.

-- BERNAMA

DC AHH LAT